

Abu Bakar Al Baqir (1907 – 1974): Pejuang Agama dan Tokoh Kemerdekaan

*Abu Bakr Al-Baqir (1907 – 1974):
Religious and Independence Leader*

Mohamad Muzammil Mohamad Noor

*Pusat Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
email : muzammil@usm.my*

Abstrak

Artikel ini membincangkan pengaruh dan perjuangan seorang tokoh agama, tokoh pendidik dan seorang nasionalis anti British iaitu Abu Bakar bin Mohd. Said atau lebih dikenali sebagai Abu Bakar al-Baqir. Beliau yang berasal dari Gunung Semanggol, Taiping ini merupakan seorang tokoh yang agak jarang-jarang diperkatakan dan diketahui umum. Dengan penulisan ini, dapat menambah khazanah sejarah berkaitan sejarah biografi tokoh kemerdekaan negara.

Kata kunci *Abu Bakar Al Baqir, Merdeka, Hizbul Muslimin dan Maahad Il Ihya As Syarif*

Abstract

This article discusses the influence and struggle of the greats of religion, education and an anti-British nationalist namely Abu Bakar bin Mohd. Said or better known as Abu Bakar al-Baqir. This figure who hails from Gunung Semanggol, Taiping is quite rarely talked about and known to public. With this writing, it may increase the treasury of history pertaining to the historical biography of our nation's figure who has fought for freedom.

Keywords *Abu Bakar Al Baqir, Merdeka, Hizbul Muslimin dan Maahad Il Ihya As Syarif*

Pengenalan

Abu Bakar Al Baqir merupakan seorang ulama tempatan yang disegani di Gunung Semanggol, Perak. Beliau juga seorang pemikir Melayu dan penggerak masyarakat dalam kehidupannya sejak zaman 1930-an. Beliau juga merupakan segelintir golongan agama tanah air yang bergerak cergas menuntut kemerdekaan daripada pihak British. Seperti diketahui umum, golongan agama adalah golongan pertama yang menyedari kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu. Oleh itu, golongan agama tempatan termasuk beliau

bersama-sama pejuang agama lain yang beraliran islah seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Zulkifli Muhammad berjuang dalam landasan yang sama meliputi berkaitan keagamaan, politik, pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya sejak zaman 1930-an lagi.



Abu Bakar Al Baqir

Abu Bakar Al Baqir atau nama sebenarnya Abu Bakar bin Mohd. Said dilahirkan pada tahun 1907 di Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak (Saari Sungib, 2010: 261). Beliau digelar 'al-Baqir' bererti 'pintar' daripada gurunya kerana beliau dikenali sebagai 'budak yang bijak' dalam bidang pelajaran sejak kecil lagi. Jurai keturunan Abu Bakar Al Baqir dikatakan berasal daripada keturunan Jawa, iaitu daripada kawasan Kendal, Propinsi Jawa Tengah apabila datuknya yang dikenali sebagai Abdul Jabbar berpindah ke Tanah Melayu (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:4). Tempat mulanya Abdul Jabbar bersinggah ialah di Asam Jawa, Kelang, Selangor. Seterusnya, beliau berpindah pula ke Kuala Kurau, Perak dan menetap di Gunung Semanggol lebih kurang pada tahun 1850-an. Abdul Jabbar merupakan seorang yang berpendidikan agama dan turut menjadi guru agama kemudiannya. Bapa Abu Bakar Al Baqir pula iaitu Mohd. Said atau dipanggil Lebai Said dalam kalangan penduduk tempatan turut bergelar guru agama dan dalam masa yang sama menjadi petani di Gunung Semanggol. Malah, Mohd. Said sendiri dianggapkan oleh penduduk tempatan sebagai perintis atau pembuka Gunong Semanggol untuk dijadikan sebuah penempatan (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:5). Taraf ekonomi keluarga mereka amat sederhana dengan berbakti kepada tanah. Abu Bakar Al Baqir bukanlah anak yang sulung kerana beliau mempunyai saudara kandungnya yang lain iaitu Muhyiddin, Aisyah, Saudah dan Hafisah.

Abu Bakar Al Baqir dijodohkan dengan Fatimah Abdul Rahman, iaitu anak gurunya sendiri, Hj. Abdul Rahman bin Mahmud pada tahun 1935. Hasil perkongsian hidup dengan isterinya itu mereka dikurniakan empat orang anak, iaitu seorang lelaki dan tiga orang perempuan. Kesemua anak-anaknya ialah Sahar Mursyid, Miskiah Fadilah, Naqibah Nu'ma dan Aniqah Rusda.

Pendidikan

Abu Bakar Al Baqir menerima pendidikan awalnya daripada ayahnya di rumah. Pendidikan di rumah lebih menumpukan pendidikan asas fardu ain dan membaca muqaddam dan al-Quran. Langsungnya beliau menerima pendidikan formal di Sekolah Melayu Gunung Semanggol sehinggalah darjah lima. Di situ beliau didedahkan mata pelajaran moden seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Tawarikh (Sejarah) dan Ilmu Hisab (Matematik). Selain mempelajari pelajaran formal, dia juga mempelajari ilmu agama pada waktu petangnya dan mampu khatam al-Quran pada usia yang masih muda (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:6). Bertepatan dengan gelarnya ‘al-Baqir’, beliau amat meminati ilmu agama dan pendidikan moden sehinggakan ayahnya tidak pernah menyuruh beliau membantu ayahnya di ladang dan di bendang sawah. Walau bagaimanapun, Abu Bakar Al Baqir telah ditunjukkan oleh keluarganya kaedah mempertingkatkan taraf kehidupan dengan cara berniaga secara kecil-kecilan melalui jajaan kuih muih dalam kampungnya. Dengan pendedahan sedemikian, memberi kesan yang positif terhadapnya untuk hidup lebih berdikari dan maju pada masa hadapan.

Disebabkan cintanya kepada ilmu semakin memuncak, Abu Bakar Al Baqir menyambung pendidikannya di sebuah institusi keagamaan yang tidak kurang hebatnya iaitu Madrasah ar-Rahmaniyyah, milik Hj. Abdul Rahman bin Mahmud, seorang alim lepasan al-Azhar, Mesir dan Masjid il-Haram, Makkah. Beliau belajar di madrasah tersebut selama enam tahun, iaitu dari tahun 1919 hingga 1924 (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:7). Semasa di madrasah tersebut, beliau mendalami mata pelajaran yang lebih khusus meliputi *Fiqh*, *Tauhid*, *Tafsir al-Qur’an* dan *Ilmu Hadith*. Di samping itu, beliau berpeluang mendalami lagi bahasa dan nahu Arab. Keaktifannya dalam pendidikan dan salah seorang pelajar yang maju dalam mata pelajaran, beliau menjadi akrab dan amat disayangi oleh para gurunya, terutama mudir madrasah itu sendiri, iaitu Ustaz Abdul Rahman.

Sebagai seorang yang cerdas dan cergas dalam pendidikan, pihak madrasah menyedari potensinya itu dan memberi sokongan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, Abu Bakar Al Baqir mengambil peluang melanjutkan pelajarannya ke Madrasah Dairat al-Ma‘arif al-Wataniah, Kepala Batas, Pulau Pinang pada tahun 1924 selama enam tahun. Di sana, beliau belajar di bawah asuhan Tuan Guru Hj. Abdullah Fahim atau lebih dikenali sebagai ‘Pak Him’ atau nama sebenarnya, Hj. Abdullah b. Ibrahim, seorang alim lulusan Makkah dan al-Azhar yang terkenal di utara Semenanjung Tanah Melayu. Seperti di madrasah lamanya, guru-gurunya menyedari kebijakannya dalam sesi perkuliahan lantas beliau diberi kepercayaan oleh gurunya menjadi Ketua *Tala’ah* (Ketua Pengajian) bagi membimbing para pelajar yang lain. Disebabkan keyakinan gurunya itu akan kebolehan beliau, Tuan Guru Hj. Abdullah Fahim menggelarkannya “al-Baqir” yang bermaksud “Pintar” dan gelaran itu menjadi sebatik kepada namanya sehinggalah akhir hayat Abu Bakar Al Baqir (Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 2011:20).

Di institusi itu, beliau dilantik membantu guru-gurunya membimbing rakan sekelas lain. Dalam masa yang sama juga beliau turut membantu guru-gurunya mewujudkan kelas yang bernafas baru dengan meninggalkan pendidikan tradisional berbentuk hafalan dan sistem “tadah kitab” seperti yang terdapat di kebanyakan sekolah agama

pada masa itu. Mulai dari situ, beliau mula berjinak-jinak untuk menjadi pendidik setelah diberi pendedahan awal. Seterusnya Abu Bakar Al Baqir mengikut Hj. Abdullah Fahim berpindah ke Madrasah Idrisiyyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar pada tahun 1930. Semasa di madrasah tersebut, beliau bertugas sebagai membantu mengajar kepada guru agama dengan bayaran sebanyak tiga puluh ringgit sebulan.

Pendedahannya dalam semangat nasionalisme dan politik mulai menjalar apabila terdedah pada pemikiran ‘Kaum Muda’ (*islahi*) dan perbezaannya dengan pemikiran ‘Kaum Tua’ (tafsiran Islam tradisional). Hal ini terjadi disebabkan seorang tokoh pembaharuan dari Makkah iaitu Syaikh ‘Abdullah al-Maghribi, pernah datang mengajar di madrasah tersebut. Oleh sebab terpengaruh dengan gurunya itu serta pendedahan yang diperolehnya daripada madrasah-madrasah *islahi* yang lain seperti yang terdapat di Indonesia, maka beliau bertukar menjadi lebih cenderung kepada corak pemikiran ‘Kaum Muda’ yang menekankan pembaharuan dalam masyarakat (Saari Sungib, 2010:262). Abu Bakar Al Baqir berada di madrasah tersebut selama tiga tahun. Pada tahun 1934, beliau meletakkan jawatan dan kembali semula ke Gunung Semanggol, Perak. Beliau berbuat demikian atas panggilan bekas gurunya, Hj. Abdul Rahman, untuk sama-sama berusaha mendirikan sebuah madrasah yang baru bagi menggantikan Madrasah al-Rahmaniyyah.

Perjuangan dalam Pendidikan: Pengasasan Maahad al-Ehya As Syarif

Maahad al-Ehya As Syarif diasaskan oleh Abu Bakar Al Baqir pada tahun 1934 dan lokasinya terletak di Gunung Semanggol, utara Perak. Insituti ini merupakan gedung ilmu berasaskan pendidikan Islam moden dan didirikan dengan bantuan bekas gurunya serta tokoh-tokoh Muslim tempatan. Nama “al-Ehya As Syarif” bermaksud “menghidupkan kemuliaan”, yang memberi erti untuk menghidupkan kemuliaan agama dalam pendidikan. Lanjutan daripada itu madrasah tersebut dapat membina umat Islam dalam memuliakan ilmu dunia dan akhirat dalam kalangan orang Melayu (Saari Sungib, 2010:262). Selain bertujuan memuliakan ilmu, ada sebab-sebab lain Abu Bakar Al Baqir mendirikan Maahad al-Ehya As Syarif ini, iaitu:

- a. Beliau terpicik dengan pemikiran islah dan merasa perlu mempunyai ‘tempat sendiri’ bagi memupuk kesedaran itu;
- b. Memupuk kesedaran semangat nasionalisme dan merancang program bagi memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

Maahad al-Ehya As Syarif, Gunung Semanggol, Perak

Setelah institusi agama itu didirikan, beliau dilantik sebagai mudir pertama di maahad tersebut dan terus memikul jawatan berkenaan sehinggalah ke akhir hayatnya pada tahun 1974 (Saari Sungib, 2010:262). Apabila dilantik sebagai mudir di maahad itu, langkah pertama diambilnya ialah memulakan program pembaharuan dengan gigihnya (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:18). Antara yang dilakukannya ialah:



1. Pelajar yang menuntut di maahad tersebut tidak dikenakan sebarang bayaran yuran. Hal ini bermakna para guru yang bertugas di situ sememangnya ikhlas untuk menyalurkan ilmu dan mendidik para murid sehingga tidak mengira gaji rendah yang diterima. Pada waktu yang sama, pada peringkat awal penubuhan, mereka tidak pernah menerima sebarang bantuan daripada kerajaan atau majlis agama. Oleh yang demikian, mereka terpaksa melakukan kerja-kerja sampingan seperti bersawah dan memotong getah bagi menyara hidup mereka masing-masing tanpa kehilangan semangat untuk mendidik anak bangsa. Abu Bakar Al Baqir juga tidak terkecuali dalam hal ini, dengan gaji sebanyak 7.00 ringgit, beliau mengajar serta memikul tanggungjawab untuk mentadbir maahad tersebut. Gaji ini, empat kali ganda lebih rendah daripada gaji yang pernah diterimanya semasa mengajar di Madrasah Idrisiyyah dulu. Masyarakat tempatan pula amat menghargai pengorbanan para guru itu. Lantaran itu, mereka menyumbang zakat dan pelbagai lagi sedekah bagi memastikan yang maahad itu terus berkembang. Selain itu, mereka juga turut membantu dalam menyelenggarakan keperluan sekolah dengan membuat bangku-bangku, meja-meja dan papan hitam serta memperbaiki kelengkapan yang rosak.
2. Penyediaan kemudahan asrama yang berbentuk pondok-pondok kecil oleh para ibu bapa dan keluarga pelajar secara gotong royong atau diupahkan kepada orang lain yang lebih mahir untuk mendirikan. Pondok-pondok itu bukan sahaja dijadikan tempat tinggal, tetapi juga untuk menelaah pelajaran dan hubungan sosial semasa pelajar. Oleh sebab makanan tidak disediakan, maka para pelajar dibenarkan untuk memasak makanan mereka sendiri di sekitar pondok masing-masing selain sumbangan penduduk tempatan.
3. Pengutamaan disiplin, iaitu untuk menjaga waktu dengan baik bagi mengikuti kelas pengajian dan solat berjemaah, mematuhi peraturan yang disediakan, bermain seperti bersukan dengan lebih sopan, selalu mewujudkan budaya bergotong royong bagi membersihkan kawasan sekitar. Mereka juga perlu membasuh pakaian sendiri. Dengan kata lain, kehidupan di pondok

membentuk para pelajar itu supaya lebih berdikari, suatu sifat yang diperlukan untuk menjadi du'at (para pendakwah), pendidik mahupun pemimpin dalam masyarakat.

4. Sistem pendidikan moden iaitu mewujudkan kelas peringkat menengah rendah, meliputi kelas Tahdiri (Persediaan), dengan bahasa pengantarnya dalam bahasa Melayu, meskipun bahasa Arab juga diajarkan. Sementara itu, peringkat Ibtida'i (peringkat rendah) dan Thanawi (peringkat menengah) diajarkan sepenuhnya dalam bahasa Arab. Dalam kelas Tahdiri inilah para pelajar yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama dan bahasa Arab yang mantap diasuh dengan lebih lanjut supaya mereka mampu mengikuti pengajian selanjutnya. Pada 1940 pula, beliau membuka kelas Qism al-'Ali (Peringkat Tinggi) dan Takhassus (Peringkat Berjurusan).
5. Memperkenalkan kurikulum tambahan, selain kurikulum agama yang sedia ada, ditambahkan pula dengan subjek-subjek yang bukan berasaskan agama selepas zaman perang. Misalnya, subjek-subjek baru itu ialah Tawarikh Tempatan, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Pengetahuan Am dan Bahasa Inggeris. Tujuan utama subjek-subjek ini diperkenalkan adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada hal ehwal semasa, semangat cinta tanah air dan mendidik mereka agar mahir dengan ilmu-ilmu lain.
6. Menubuhkan Kelas Didikan dan Asuhan untuk kanak-kanak antara umur lima sehingga lapan tahun pada tahun 1945. Kanak-kanak tempatan diberi pendedahan awal dunia persekolahan sebelum mereka memasuki alam persekolahan yang sebenar. Mereka didedahkan mata pelajaran kreativiti seperti melukis, mewarna, menyanyi dan pendidikan awal agama seperti mengaji dan mengenal maha pencipta. Dikatakan kelas tadika hari ini mengambil idea daripada kelas yang diperkenalkan olehnya itu.
7. Pihak pentadbir di Maahad al-Ehya As Syarif juga memperkenalkan sistem peperiksaan kepada para pelajar pada setiap akhir tahun bagi memperbaiki pencapaian dan menaiki darjah dari satu tahap ke tahap yang seterusnya. Keputusan peperiksaan kemudiannya akan direkodkan oleh pihak pentadbiran maahad dan disampaikan kepada para ibu bapa sama seperti yang acap kali berlaku di sekolah-sekolah moden.
8. Memperkenalkan latihan pembinaan sahsiah dengan kegiatan bersyarah dan memupuk semangat perjuangan dalam kalangan pelajar seperti yang telah dilakukan sebelum zaman perang lagi. Latihan ini serupa dengan kegiatan ceramah motivasi dalam usaha meningkatkan jati diri para guru dan pelajarnya. Dalam latihan tersebut, Abu Bakar Al Baqir turut menyelit unsur-unsur nasionalisme kepada 'keluarga maahadnya' dan masyarakat sekampung dalam usaha menuntut kemerdekaan tanah air.
9. Mengasaskan Kulliyah al-Mu 'allim (Pusat Latihan Guru) bagi memajukan pengajian di madrasahnyanya itu pada 1948. Pusat ini samalah seperti maktab latihan perguruan dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada hari ini.
10. Memperkenalkan ilmu kemahiran hidup kepada pelajar madrasahnyanya. Pada tahun 1953 pula, para pelajar telah didedahkan kepada kursus perniagaan dan latihan, misalnya, melibatkan pelajaran pertukangan kayu, jahitan dan

juga masakan. Menerusi pelajaran ini, bagi mereka yang terlibat dengan pertukangan kayu boleh menyara kehidupan mereka dengan mengambil upah membuat perabot dan membaiki rumah, manakala yang terlibat dengan kursus jahitan dan masakan mendapat latihan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri sebagai tukang jahit dan tukang masak atau pembekal makanan.

11. Pembukaan kelas homeopati di Maahad al-Ihya' al-Syarif pada tahun 1965 mengikut sistem francais dengan Contemporary University of Singapore di Singapura. Kelas ini berkolaborasi bersama Dr. Burhanuddin al-Helmi yang juga menjadi pensyarah bagi melahirkan pengamal ilmu perubatan homeopati dalam kalangan masyarakat Melayu. Melalui cara ini, para pelajar telah didedahkan dengan proses perubatan moden mengikut kaedah ilmu perubatan homeopati yang sesuai dengan perubatan Islam.
12. Memperkenalkan penerbitan majalah. Sebelum tahun 1942, sebuah majalah yang bernama Suara al-Ihya' telah diterbitkan tetapi terhenti sekejap kerana tanah air berada dalam zaman perang. Walau bagaimanapun, selepas perang, Maahad al-Ihya' al-Syarif kembali aktif menerbitkan majalah yang kandungannya tertumpu pada isu-isu penting dalam hal pendidikan, agama dan semangat patriotik. Majalah yang dinamakan Al-Ihya' al-Syarif itu ialah kesinambungan daripada majalah Suara al-Ihya'. Makalah-makalah untuk majalah terbitan maahad itu diperoleh daripada sumbangan yang dibuat oleh beberapa orang guru dan pelajar. Pada masa yang sama, para muridnya digalakkan untuk menulis dan menyebarkan pemikiran mereka melalui akhbar-akbar atau majalah-majalah tempatan. Misalnya, ada antara mereka yang menulis di Utusan Melayu dan Warta Negara (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:19-23).

Idea pemikiran Abu Bakar Al Baqir menjadi lebih telus lagi apabila beliau membuka pintu maahadnya kepada para pelawat yang masyhur lagi berpengaruh. Langkah ini membuka peluang kepada para guru dan pelajarnya untuk berinteraksi dengan para ulama dan juga ahli politik yang turut memberikan kesan yang baik pada imej sekolah itu. Antara tokoh yang pernah menjejakkan kaki mereka ke sekolah itu adalah Ibrahim Fikri, Menteri Besar Terengganu; Prof. Dr. Buya Hamka dari Indonesia yang seorang alim dan cendekiawan terbilang bagi Alam Melayu; Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua, Malaysia; Datuk Abdul Rahman Talib, Menteri Pelajaran, Malaysia; Hj. Shamsuddin Mustaffa, seorang Mufti Siak dari Sumatera, dan Kiyai Mashur iaitu seorang alim besar Indonesia dan tokoh Masjumi di Sumatera Barat.

Selain memperkenalkan idea-idea pembaharuan di institusi yang diperkenalkannya itu, Abu Bakar Al Baqir juga mempunyai idea lain dalam menaikkan taraf masyarakat Melayu terutama dalam bidang sosioekonomi. Oleh itu, beliau membentuk Persatuan al-Ehya As Syarif (Berhad) pada tahun 1940. Tujuan penubuhan persatuan itu ialah bagi melicinkan pengurusan maahad dan aktiviti masyarakat sekelilingnya. Persatuan itu berperanan sebagai badan yang mengurus dan menjaga hal ehwal maahad (Saari Sungib, 2010:262-263). Selaku Yang Di Pertua Persatuan al-Ehya As Syarif, beliau mewujudkan pelbagai aktiviti perekonomian kepada para ahli dan orang Melayu. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti membuka sebuah kilang padi di

Gunong Semanggol pada tahun 1953 dan di Alor Pongsu pada tahun 1956. Selain itu, membuka pula sebuah stesen minyak di Simpang Lima, Parit Buntar pada tahun 1955. Stesen minyak itu adalah stesen pemilik Melayu pertama di Kerian dan beroperasi sebagai agen Syarikat Minyak Shell, dan turut membuka stesen jana elektrik di Gunong Semanggol pada tahun 1956. Dengan memperkenalkan aktiviti perekonomian seperti yang telah dinyatakan itu, secara tidak langsung dapat membantu memperbaiki kehidupan para penduduk tempatan, selain memungkinkan sebahagian daripada mereka untuk berniaga pada malam hari. Hasil keuntungan tersebut diserap ke dalam tabung dana maahadnya kerana maahad itu tidak mendapat sebarang bantuan daripada pihak atasan.

Abu Bakar Al Baqir turut membentuk sebuah badan yang dinamakan Usaha Tenaga Anak-Anak Melayu (UTAMA) bagi memajukan ekonomi orang Melayu. Badan ini telah membantu memulihkan kembali lapangan perusahaan dan pertukangan orang Melayu yang kian malap selepas perang akibat persaingan daripada orang bukan Melayu. Melalui UTAMA, hasil-hasil perusahaan dan pertukangan Melayu dapat dikeluarkan dalam kuantiti yang banyak, dijaga kualitasnya dan dijual dengan harga yang murah untuk para pengguna Melayu. UTAMA juga menyediakan peluang pekerjaan kepada para pelajar tempatan yang miskin sesuai dengan kemahiran mereka masing-masing. Jelasnya, UTAMA melalui kegiatannya itu telah memberikan keuntungan kepada para peniaga dan pengusaha Melayu, Maahad al-Ehya As Syarif sendiri dan penduduk tempatan, termasuk golongan pelajar yang ingin mencari pekerjaan.

Maahad ini turut menumpukan anak-anak tempatan sekitar Perak Utara sehingga Kuala Kangsar dan utara Malaysia untuk menuntut ilmu di situ. Para pelajar maahad ini juga melibatkan anak-anak tempatan seramai 60 hingga 70 orang, iaitu bekas pelajar al-Rahmaniyyah dan mereka yang tamat darjah lima sekolah Melayu (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:17). Yang lainnya pula diperoleh daripada para pelajar Madrasah Idrisiyyah dan Madrasah Da'irat al-Ma'arif yang pernah mengikuti pendidikan Abu Bakar Al Baqir sendiri. Dalam hal ini, jelaslah bahawa kebolehan dan dedikasi beliau dalam mendidik para pelajarnya telah menarik minat mereka untuk terus menimba ilmu di bawah bimbingannya. Abu Bakar Al Baqir berusaha menjadikan Maahad al-Ehya As Syarif sebagai sebuah pusat gerakan sosiopolitik, sosioekonomi dan kegiatan politik berparti dari tahun 1934 hingga 1948 (*Ensaiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jld. 1, A–E, 1994:72).

Pada tahun 1960, Abu Bakar Al Baqir bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk memulakan aliran sekolah menengah Melayu di Maahad al-Ehya As Syarif (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:33). Penawaran aliran ini bererti bahawa Maahad al-Ehya As Syarif di bawah pimpinan Abu Bakar Al Baqir telah sekali lagi membuka lembaran baru bagi penduduk Gunong Semanggol, iaitu mereka diberikan alternatif untuk mengikuti pembelajaran sama ada dalam bidang agama tulen atau dalam aliran akademik biasa mengikut sukatan pelajaran arus perdana yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia. Namun begitu, bagi mereka yang belajar dalam aspek akademik pun, tetap didedahkan dengan pendidikan agama tambahan yang lebih mantap berbeza dengan sekolah kerajaan. Oleh kerana inilah terdapatnya perbezaannya antara sekolah kawalan kerajaan sepenuhnya berbanding Maahad al-Ehya As Syarif sendiri.

Lanjutan itu, pada tahun 1963 para pelajarnya yang mengikuti aliran akademik menduduki Peperiksaan *Lower Certificate od Education* (LCE) buat kali pertamanya. Maahad itu berjaya mencatatkan keputusan kelulusan peperiksaan sebanyak 62%. Dengan prestasi yang agak membanggakan ini, ia merupakan satu kejayaan kepada maahad memandangkan sekolah itu terletak di daerah pedalaman. Pada tahun 1965 pula, para pelajar sekolah itu menduduki peperiksaan *Malaysian Certificate of Education* (MCE) pula. Dengan itu, sekolah itu terus meningkat maju ke hadapan berbanding kebanyakan sekolah agama rakyat lain yang menumpukan pendidikan agama sahaja.

Jelasnya, segala kegiatan islah yang diperbincangkan itu menampakkan betapa majunya pemikiran Abu Bakar Al Baqir memandangkan pada masa itu masyarakat Melayu masih belum mampu untuk berfikir sehebat demikian, apatah lagi bagi membuat perubahan-perubahan berkenaan. Beliau juga sememangnya bertuah kerana mendapat kepercayaan daripada para guru dan masyarakat sekeliling untuk membuat perubahan-perubahan tersebut.

Penglibatan Awal dalam Politik

Abu Bakar Al Baqir merupakan seorang individu yang amat aktif dalam lapangan politik. Sejak remaja lagi, beliau bergiat cergas dalam pelbagai persatuan separa-politik dan pertubuhan politik Melayu. Misalnya, dia pernah menyertai Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Perak, Persatuan Sunlight, Taiping; Kelab Sa'adat, Kuala Kangsar; Kesatuan Melayu Muda (KMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Barisan Petani Se Malaya (BATAS) dan Pembantu Indonesia Merdeka (PIM) (Saari Sungib, 2010:261-262). Penglibatan Abu Bakar Al Baqir dalam persatuan separa politik itu adalah untuk memberikan sumbangan terhadap kerja-kerja kebajikan dan pembangunan masyarakat. Jiwanya sentiasa resah dan tidak sanggup melihat masyarakat Melayu pada zaman penjajahan berkeadaan miskin dan kemunduran dari segi harta, pemikiran dan ilmu. Sementara penglibatannya dalam badan-badan berunsur politik seperti KMM, API, BATAS dan PIM adalah untuk mempelajari selok-belok berpolitik, memahami isu-isu dan sama-sama memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu mahupun Indonesia. Seterusnya, semangat perjuangan yang beginilah yang cuba diterapkannya kepada para pelajarnya di Maahad al-Ehya As Syarif supaya mereka maju dan bergerak ke arah membebaskan diri dan tanah air daripada cengkaman feodal dan penjajahan asing.

Pemikiran Agama dan Pendidikan Islam

Abu Bakar Al Baqir seorang remaja yang cergas dan cerdas pada zaman persekolahan. Beliau gemar membaca pelbagai bahan ilmiah dan berfikir selepas menelaah. Sikapnya yang sedemikian telah memberi pelbagai idea pembaharuan kepadanya. Lebih bermakna lagi apabila beliau bergaul dengan pelbagai individu terutama para gurunya termasuk Tuan Guru Hj. Abdullah Fahim. Apabila ideanya membuka sebuah institusi agama iaitu Maahad al-Ehya As Syarif, Gunong Semanggol, idea pembaharuannya makin bercambah dan mula dipraktikkan. Misalnya, beliau cuba membangunkan bidang pendidikan, politik, ekonomi dan kerja kebajikan yang selari dengan tuntutan-

tuntutan Islam. Dalam pendekatannya, beliau tidak begitu mengambil berat tentang soal mazhab. Malah, pendekatan yang digunakannya serupa dengan pendekatan yang diambil oleh Syeikh Junid Tola, seorang tokoh pembaharuan yang berasal daripada keturunan Mandailing, Sumatera dan pernah mengajar di Padang Rengas, Perak. Seperti yang dilakukan Syeikh Junid Tola, Abu Bakar Al Baqir yang menganuti fahaman islah tidak menggunakan pendekatan konfrontasi, yakni mengkritik pihak 'Kaum Tua' dalam isu-isu *furu'iyah* (cabang agama) yang bersabit dengan masalah tahlil, *talqin*, bacaan *qunut*, berdoa secara berjemaah, *fidyah* sembahyang dan seumpamanya. Sebaliknya, beliau hanya menekankan prinsip islah dalam bidang pendidikan, iaitu memberikan tumpuan bukan sahaja kepada pengetahuan agama Islam, tetapi turut mendidik anak muridnya dalam aspek pelajaran dan latihan kemahiran yang boleh dipergunakan untuk menampung keperluan hidup duniawi. Dengan menggunakan pendekatan yang demikian, iaitu lebih berhikmah, maka perbalahan dengan Kaum Tua dapat dielakkan dan segala program pendidikan dan islah amnya dapat dijalankan tanpa gangguan. Selain itu, pendekatannya yang berhikmah menyebabkan akhirnya pandangan beliau dan kegiatannya turut didukung juga oleh sebahagian daripada masyarakat atasan mahupun mereka yang biasa dengan aliran Islam tradisional. Hal ini kelihatan apabila bantuan kewangan terus diperoleh daripada anggota keluarga istana dan antara mereka yang tidak berjiwa islah juga menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari agama di Maahad al-Ehya As Syarif.

Kegiatan dalam Bidang Politik-Agama

Pendedahan awal Abu Bakar Al Baqir dalam pendidikan agama Islam serta berada dalam sekeliling para alim ulama memberi satu kesan bahawa idea politiknya berlandaskan 'politik-Islam'. Datangnya minat dalam kegiatan politik adalah kerana kesedaran beliau terhadap membebaskan tanah air daripada cengkaman British. Semangat nasionalismenya mulai tumbuh implikasi daripada bacaan buku dan hasil pergaulan para nasionalis agama seperti Tuan Guru Hj. Abdullah Fahim dan Dr. Burhanuddin al-Helmi (Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 2011:68). Setelah itu, beliau dinyatakan terlibat dalam pelbagai persatuan yang bergerak di negeri-negeri Melayu. Beliau menyertai persatuan-persatuan itu dan turut serta dalam program-program kebajikan dan pembangunan masyarakat. Sebagai seorang pemimpin aliran agama, Abu Bakar Al Baqir juga memilih untuk berjihad dalam lapangan politik bagi membebaskan diri, agama, pendidikan dan sosioekonomi umat Islam daripada penjajahan British dan pengaruh parti Melayu, *United Malay Nationalist Organisation* (UMNO) itu sendiri.

Pada peringkat awalnya, beliau bergiat cergas dalam badan-badan separa politik seperti Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Perak, Persatuan Sunlight, Taiping dan Kelab Sa'adat, Kuala Kangsar. Melalui penglibatannya dengan pelbagai organisasi itu, dia mengenali banyak pihak yang berminat untuk membangunkan umat Islam dan akhirnya dia terus berkecimpung dalam arena politik. Abu Bakar Al Baqir membentuk para muridnya terlibat dalam perjuangan menentang penjajahan di Tanah Melayu pada penghujung dekad 1930-an. Kenyataan ini jelas terbukti apabila ramai daripada muridnya di Maahad al-Ehya As Syarif menyertai kegiatan KMM pada

tahun 1937 (Nik Mohd. Rosdi Nik Ahmad, 2011:21). Mereka bukan sahaja bergerak sebagai ahli biasa, malah ada juga dalam kalangan mereka yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa. Antaranya adalah Osman Hamzah sebagai Naib Yang Dipertua, Sabri bin Abdul Kadir sebagai Setiausaha dan Ahmad Yusuf atau lebih dikenali sebagai Ahmad Mahir, Yahya Nasir, Hj. Abdullah, Abd Kaiser dan Kassim Mohammad sebagai ahli jawatan kuasa biasa (Nabir b. Hj. Abdullah, 1976:75 – 77).

Yang menariknya ialah, Abu Bakar Al Baqir berjaya memupuk semangat kebangsaan dalam kalangan pelajar di Maahad al-Ehya As Syarif supaya turut terlibat dalam perjuangan menentang gagasan *Malayan Union* yang dirancang oleh pihak British. Gagasan *Malayan Union* ini menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu apabila pihak British menggunakan helah tipu daya bagi mendapat tandatangan Rajaraja Melayu dan secara tidak langsung mengurangkan kuasa raja di tanah air. Berikutan penentangan ini tercetuslah semangat kebangsaan Melayu dalam kalangan umat Melayu sendiri hingga menimbulkan tunjuk perasaan secara besar-besaran dengan gabungan pelbagai persatuan Melayu buat kali pertamanya bagi menggagalkan *Malayan Union*.

Pada 17 Oktober 1945, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan bagi memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Parti itu dipimpin oleh Mukhtaruddin Lasso. Tetapi, kemudiannya kepimpinan parti itu diambil alih oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi yang sebelum itu bergerak di Singapura dengan komponen-komponen KMM, Pusat Tenaga Rakyat (PETA) dan sebagainya. Setiap kali beliau mempunyai peluang untuk bersyarah, Abu Bakar Al Baqir sering mengingatkan masyarakat Melayu supaya mereka meneruskan tradisi perjuangan Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya serta tidak lupa menunaikan kewajipan terhadap Allah S.W.T. bertepatan dengan syarahannya bahawa hanya dengan kembali kepada Islam barulah umat Islam akan mencapai kemajuan dan langsung menjadi umat yang disegani oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh sebab amanat-amanat inilah, beliau dikenali dan dihormati masyarakat.

Baginya, masalah masyarakat Islam pada waktu itu adalah amat genting dan perlulah ditangani secara berjemaah. Justeru itu, beliau sentiasa berhubung dengan para ulama dari seluruh pelosok tanah air bagi membincangkan hal itu. Maahad al-Ehya As Syarif dijadikannya sebagai markas bagi merungkaikan persoalan-persoalan umat Islam. Kemuncak kepada perbincangan-perbincangan yang diadakan itu, maka pada tahun 1947, diadakan suatu persidangan besar yang membawa kepada tertubuhnya tiga badan utama bagi menggerakkan kebangkitan umat dan juga perjuangan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Tiga badan yang utama itu ialah Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya (PEPERMAS), Majlis Agama Tertinggi Se Malaya (MATA) dan Lembaga Pendidikan Islam Rakyat (LEPIR).

Sebagai persiapan untuk memperoleh kemerdekaan bagi Tanah Melayu, para ulama mengadakan suatu persidangan besar di Maahad al-Ehya As Syarif pada 22 sehingga 24 Mac, 1947. Ketika itu, seramai 2,000 orang ulama dan cendekiawan Muslim serta utusan dari Singapura dan Indonesia hadir. Sebenarnya, idea untuk mengadakan perhimpunan tersebut dicetuskan oleh Abu Bakar Al Baqir sendiri setelah melihat betapa mundurnya umat Islam yang majoritinya Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:51). Di sebalik itu, bangsa asing, termasuk penjajah British dan pihak masyarakat imigran Cina, telah meningkat maju

dan menguasai ekonomi Tanah Melayu. Melalui persetujuan bersama, akhirnya para ahli majlis yang hadir bersetuju untuk mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab untuk memajukan ekonomi masyarakat Melayu. Atas dasar inilah, maka PEPERMAS ditubuhkan. Abu Bakar Al Baqir sendiri dipilih oleh majlis untuk menjadi Yang Dipertua bagi jawatankuasa kerja badan tersebut. Berikutnya, jawatankuasa tersebut telah merangkakan program gerak kerja untuk memajukan ekonomi umat. Program yang dirancang itu mula mendapat sambutan daripada masyarakat setempat.

Sehari selepas penubuhan PEPRMAS, persidangan itu telah menubuhkan pula Majlis Agama Tinggi SeMalaya (MATA). Langkah ini merupakan suatu tindakan yang bertepatan dengan keadaan masa itu. Meskipun, Abu Bakar Al Baqir tidak dipilih sebagai Yang Dipertua untuk MATA, namun peranannya tetap penting kerana beliau diberi tugas oleh majlis sebagai penasihat kepada badan tersebut. MATA ditubuhkan dengan tujuan untuk memperbetulkan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam yang ditadbirkan oleh ulama tradisional dan pembesar serta Raja-raja Melayu (Saari Sungib, 2010:264-265). Langkah ini sesungguhnya memberikan tamparan yang hebat kepada golongan ulama kerajaan di negeri-negeri Melayu ketika itu. Hal ini adalah kerana MATA berhasrat untuk menyeragamkan soal pentadbiran agama bagi seluruh semenanjung dan menggantikan peranan setiap badan agama rasmi yang wujud pada masa itu (Saari Sungib, 2010:264-265). Hujahnya ialah selama ini pengurusan dan pentadbiran agama tidak berjalan dengan baik. MATA juga mencadangkan agar pengagihan zakat fitrah diselaraskan bagi membolehkan sebahagian daripada wang zakat itu disalurkan untuk pembangunan institusi pendidikan tinggi Islam (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:54-55). Selain itu, ia menyusun program kebajikannya yang melibatkan soal peraturan derma pendidikan, mendirikan rumah untuk fakir miskin, dan menjaga kebajikan ibu-ibu tunggal yang terbiar dan hidup melarat. Justeru itu, pihak MATA menerima reaksi yang kurang senang dalam kalangan ulama kerajaan yang sedar bahawa kuasa mereka sedang dicabar oleh pihak pendukung pembaharuan iaitu pergerakan islah. Dalam pada itu, MATA tidak hanya menyentuh isu-isu nasional, tetapi ia juga turut menggabungkan gerakan Islam Tanah Melayu dengan gerakan Islam antarabangsa. Sebagai memenuhi program perjuangannya, ia memberikan perhatian yang serius terhadap isu penindasan umat Islam seperti yang berlaku di Indonesia, Patani dan Palestin. Yang anehnya, langkah yang begini tidak menerima sebarang perhatian daripada pihak ulama tradisional, meskipun mereka mendakwa yang mereka mewakili umat Islam ketika itu.

Berikutnya, pada tahun 1947 juga, LEPIR ditubuhkan melalui persidangan MATA. LEPIR dibentuk atas usaha Jawatankuasa Badan Kebajikan Pelajaran MATA bagi memperbaiki keadaan umat Melayu yang mundur dalam bidang pelajaran. Melalui LEPIR, Abu Bakar Al Baqir mendapat mandat untuk memajukan sekolah agama di seluruh Tanah Melayu (Saari Sungib, 2010: 265). Pada masa yang sama, beliau diberikan tanggungjawab untuk menggabungkan kesemua sekolah agama rakyat di Tanah Melayu dan melahirkan satu sistem persekolahan serta membentuk satu sukatan pelajaran yang seragam bagi semua sekolah agama itu. Dalam masa yang sama, LEPIR berjaya menerbitkan banyak buku agama dan buku komunikasi bahasa Arab untuk manfaat para pelajar Muslim (Khairul Nizam Zainal Badri, 2008:56). Hampir keseluruhan daripada buku-buku yang diterbitkan itu ialah karya Mustaffa ‘Abdul

Rahman. Buku-buku luar yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab juga dibawa masuk untuk didedahkan kepada para pelajar oleh LEPIR.

Melalui LEPIR, Abu Bakar Al Baqir berusaha untuk menubuhkan sebuah universiti rakyat, iaitu sebuah universiti berasaskan Islam yang dinamakan Universiti Hang Tuah, dengan menubuhkan sebuah tabung khas bagi mengumpulkan dana daripada rakyat sendiri (Saari Sungib, 2010). Bukan itu sahaja, malah sebuah jawatan kuasa penaja bagi universiti itu dibentuk dan dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi. Malangnya, segala rancangan tentang universiti itu telah punah sama sekali apabila Abu Bakar Al Baqir dan Dr. Burhanuddin ditangkap oleh pihak British di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A) pada tahun 1948. Melalui jawatankuasa yang sama, LEPIR berusaha juga merancang satu sistem pendidikan bagi sekolah-sekolah Melayu rakyat. Di samping itu, ia juga mengadakan *Kulliyah Mu'allimin* bagi mengatasi masalah kurangnya guru yang berwibawa. Buat permulaannya, kuliah itu telah mengambil seramai tujuh puluh orang pelajar untuk dilatih menjadi guru yang berkemahiran. Semua program itu dilaksanakan mengikut dasar pendidikan yang sepadu seperti yang dituntut oleh Islam. Walau bagaimanapun, projek universiti yang terkandas itu, akhirnya telah diperjuangkan oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada dekad 1970-an dan 1980-an sehingga lahirlah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia, tetapi dikendalikan oleh majoriti tenaga pentadbir dan pensyarah dalam kalangan pendukung ABIM dan simpatisan gerakan tersebut.

Sementara itu, Abu Bakar Al Baqir juga berjaya mengasingkan antara mereka yang benar-benar mencintai Islam dan sanggup berjuang atas namanya dengan mereka yang berpegang kepada dasar sekular. Hal ini terbukti apabila, beliau berusaha menubuhkan *Hizb al-Muslimin* (HAMIM), sebuah parti Islam yang pertama di Tanah Melayu. Proses penubuhan ini berlaku pada 14 Mac, 1948, dalam satu persidangan MATA yang diadakan di Al-Ihya' As Syarif (Saari Sungib, 2010: 267). Ketika itu, seramai 5,000 orang telah hadir. Antara mereka adalah Dr. Burhanuddin sendiri. Nama bagi parti tersebut dicadangkan oleh Abu Bakar Al Baqir dan disokong oleh Abrar al-Tamimi serta Dr. Burhanuddin. Sebenarnya, semangat penubuhan parti ini telah diambil daripada dasar perjuangan parti Islam, Partai Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masjumi) dari Indonesia dan Ikhwan al-Muslimin, Mesir. Masjumi adalah sebuah parti politik yang berteraskan Islam dan diasaskan pada 7 November 1945 di Yogyakarta. Sejak awal lagi, tujuan parti HAMIM ditubuhkan adalah untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan menjadikannya sebuah negara Islam. Semasa persidangan inilah, Abu Bakar Al Baqir dilantik oleh majlis perhimpunan sebagai Ketua Umum HAMIM.

Namun, malangnya umur HAMIM tidak dapat bertahan lama iaitu lebih daripada enam bulan sahaja. Oleh sebab kelantangannya berkempen untuk kemerdekaan Tanah Melayu, maka pihak British dan sekutunya UMNO yang bimbang akan kebangkitan Islam yang ditafsirkan mereka sebagai mengancam keselamatan negara, langsung berusaha untuk mengharamkan kewujudan parti tersebut. Sememangnya, British amat bimbang apatah lagi apabila melihat parti itu dalam masa yang singkat dapat mengembangkan cawangannya di seluruh tanah air. Peluang yang dicari-cari oleh British untuk mengharamkan parti itu diperolehnya apabila teretusnya kontroversi daripada pemimpin utama UMNO, Dato' Onn Jaafar, bahawa parti itu sendiri adalah

“merah”, yakni komunis dan lantaran itu membahayakan keselamatan negara. Bagi sesetengah pihak, tuduhan tersebut memangnya agak berbisa hinggakakan British menggunakan peluang tersebut untuk menangkap kesemua pejuang kemerdekaan yang berorientasikan Islam dan juga yang berhaluan kiri di bawah ISA. Pada keseluruhannya, seramai tiga ratus orang pejuang kemerdekaan, iaitu pemimpin agama dan politik Melayu, ditangkap dan disumbat ke dalam penjara tanpa bicara mengikut undang-undang darurat yang diisytiharkan oleh pihak berkuasa British berikutan daripada meletusnya Pemberontakan Komunis pada tahun 1948 (Saari Sungib, 2010: 271).

Yang pentingnya ialah tiga orang pemimpin utama HAMIM, iaitu Abu Bakar Al Baqir, Abrar al-Tamimi dan Abdur Rauf Nur telah ditangkap dan dikenakan tahanan tanpa bicara di bawah I.S.A. Lantaran itu, HAMIM terus lumpuh. Dalam pada itu, Abu Bakar Al Baqir telah dikenakan juga tuduhan menghasut, iaitu beliau telah berkempen menyeru orang ramai agar jangan membeli susu dan sabun daripada kedai kaum Cina di Gunung Semanggol. Abu Bakar Al Baqir telah ditahan selama empat tahun tiga bulan dan hanya dibebaskan pada bulan Oktober, 1952 (Saari Sungib, 2010:272). Penangkapan pemimpin utama HAMIM telah membuka peluang seluas-luasnya kepada UMNO sebagai sebuah parti yang disukai British untuk mengembangkan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat Melayu yang umumnya masih konservatif untuk menerajui perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu atas dasar nasionalisme sekular Melayu. Sehubungan dengan itu, UMNO dibenarkan untuk bergerak cergas oleh penjajah British bagi mengaturkan jenteranya ke arah pilihan raya 1955. Tanpa sebarang halangan daripada golongan agama dan pihak kiri yang dilihatnya sebagai musuh utama, UMNO berjaya dalam pilihan raya yang pertama itu dan terus memainkan peranannya bagi membawa kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Sementara itu, Abu Bakar Al Baqir tidak menyingkirkan perjuangan Islamnya selepas pembebasannya itu. Namun, sebagai satu strategi bagi melindungi Maahad al-Ehya As Syarif daripada diharamkan, beliau tidak bertanding di bawah tiket Parti Islam Se Malaya (PAS) yang ditubuhkan pada tahun 1951, sedangkan sebahagian besar daripada teman-temannya bergerak dalam PAS. Sebaliknya, beliau mencapai suatu persetujuan untuk berjuang melalui Perikatan Melayu Perak dengan persetujuan pihak PAS. Strategi ini sesungguhnya menyelamatkan al-Ihya' As Syarif daripada gangguan politik pihak British mahupun UMNO. Dalam pada itu, hasrat perjuangan yang dibawa oleh HAMIM, iaitu untuk mendaulatkan Islam di Tanah Melayu, terus diperjuangkan oleh para bekas pendukungnya yang menyertai PAS sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan berikutnya di Malaysia hingga kini.

Kesimpulan

Setelah berbakti dalam pendidikan dan kegiatan politik-Islam, Abu Bakar Al Baqir kembali ke rahmatullah pada 13 Julai 1974. Institusinya telah diwarisi oleh keluarganya sendiri dan kini berada di bawah pimpinan cucunya, Ahmad Jahid Mamduh. Namun, sepeninggalan Abu Bakar Al Baqir, sekolah itu telah hilang satu kepimpinan yang kukuh. Walaupun ia berjalan terus hingga kini, tetapi tidak dapat mencapai kehebatan yang pernah dikecapinya dalam sejarah tanah air sebelum itu. Sebagai pengiktirafan terhadap jasa Abu Bakar Al Baqir dalam memajukan bidang pendidikan, menunaikan

kebijakan dan pembangunan ekonomi bagi umat Islam, menyampaikan dakwah serta terlibat secara langsung dalam membangkitkan semangat nasionalisme untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan, maka pihak kerajaan Perak telah memberi pengiktirafan kepada beliau, misalnya, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Negeri Perak. Di samping itu, beliau juga dianugerahkan pingat Jaksa Pendamai dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Setelah beliau meninggal dunia, Abu Bakar Al Baqir dianugerahkan juga gelaran sebagai Tokoh Guru Perak pada tahun 1975.

Rujukan

- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. (1994). Jld. A-E. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Khairul Nizam Zainal Badri. (2008). *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al Baqir al-Baqir*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, (2011). “Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan”, tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, “Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Sejarah Perubatan Homeopati Di Tanah Melayu”, Geran Penyelidikan Intensif 2011/2012, Universiti Sains Malaysia, artikel tidak diterbitkan.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. (2012). *Guru Melayu dan Politik di Kedah, 1940 – 1960*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. (2014). *Burhanuddin al-Helmi Pejuang Bangsa Terpinggir*, Bangi: Penerbit Medium Publications.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, “Peranan Guru Melayu di Kedah Dalam Pilihanraya Umum Pertama Tahun 1955”, dlm. *Jurnal Sejarah*, No. 13, 2005.
- Nabir b. Hj. Abdullah. (1976). *Maahad il-Ihya' al-Syarif Gunong Semanggol, 1934 – 1955*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saari Sungib. (2010). *Tokoh-Tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*, Kisah-Kisah Inspiratif Para Pemimpin Gerakan Islam Sedunia. Petaling Jaya: Rijal Media.